

## TUN RAZAK DALAM GAGASAN MALAYSIA

Mohd Sohaimi Bin Esa (PhD)  
*Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*  
*Universiti Malaysia Sabah*

### ABSTRAK

Pembentukan Persekutuan Malaysia adalah antara episod penting yang dilalui oleh Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri. Beliau telah membantu Tunku Abdul Rahman dalam usaha merealisasikan hasrat untuk menyatukan Tanah Melayu, Sabah (Borneo Utara), Sarawak, Singapura dalam Persekutuan Malaysia. Persoalannya, sejauhmanakah peranan dan penglibatan Tun Razak dalam pembentukan gagasan Malaysia? Bagaimanakah pula reaksi Tun Razak terhadap gagasan tersebut? Apapun Tun Razak adalah antara nama besar dalam proses pembentukan gagasan Malaysia. Beliau sebagai salah seorang wakil pemimpin Tanah Melayu yang terlibat dalam beberapa rundingan dengan pemimpin politik Singapura dan pegawai tertinggi British sebelum diisytiharkan gagasan ini oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 di Singapura. Malah beliau turut memberikan reaksi positif sehinggalah gagasan ini dapat diterima oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, mahupun dalam UMNO.

## **PENDAHULUAN**

Pembentukan Persekutuan Malaysia adalah antara episod penting yang dilalui oleh Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri. Beliau telah membantu Tunku Abdul Rahman dalam usaha merealisasikan hasrat untuk menyatukan Tanah Melayu, Sabah (Borneo Utara), Sarawak dan Singapura dalam Persekutuan Malaysia. Namun begitu, gagasan Malaysia dalam konteks Persekutuan Tanah Melayu lebih sinonim dengan nama Tunku Abdul Rahman. Persoalannya, bagaimanapula dengan Tun Razak? Justeru itu, kertas kerja ini akan membincangkan sejauhmana peranan dan penglibatan Tun Razak dalam pembentukan gagasan Malaysia. Seterusnya melihat reaksi Tun Razak terhadap gagasan tersebut. Sungguhpun pengumuman hanya dibuat oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961, tetapi sebenarnya usaha-usaha telahpun dilakukan lebih awal dari tarikh berkenaan. Tun Razak adalah antara tokoh pemimpin tempatan yang turut terlibat secara langsung dalam beberapa rundingan dengan pemimpin politik Singapura dan pegawai tertinggi British. Malahan beliau juga antara pemimpin tertinggi negara yang terus menyokong gagasan ini agar menjadi kenyataan.

### **Peranan Tun Razak Dalam Gagasan Malaysia**

Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman telah membuat pengumuman mengenai gagasan Malaysia yang mengandungi Tanah Melayu, Singapura dan tiga wilayah Borneo iaitu Sabah (Borneo Utara), Sarawak dan Brunei. Pengumuman ini dibuat dalam majlis

jamuan makan tengah hari yang dianjurkan oleh Persatuan Wartawan Asing Asia Tenggara di Singapura.<sup>1</sup> Implikasi daripada pengumuman ini dikatakan telah menarik perhatian pelbagai pihak terhadap gagasan tersebut.<sup>2</sup> Bagi Tun Razak, pengumuman Tunku itu dianggap sebagai titik permulaan usaha yang dilakukan dengan lebih serius untuk menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura dan ketiga-tiga wilayah Borneo yang ketika itu masih lagi di bawah naungan kerajaan British.<sup>3</sup>

Tun Razak selaku Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa sejak dari awal-awal lagi sudah terdapat tuntutan yang tidak dapat dielakkan untuk menggabungkan wilayah-wilayah yang dicadangkan itu. Justeru itu, beliau sentiasa berganding bahu dengan Tunku Abdul Rahman untuk merealisasikan gagasan Malaysia. Tun Razak juga terlibat dalam membincangkan persoalan gagasan Malaysia dengan pegawai tertinggi British dan pemimpin politik Singapura sejak sebelum Tunku Abdul Rahman membuat pengumuman tersebut.

Pada 13 Januari 1961, Tun Razak dan Tunku Abdul Rahman telah mengambil kesempatan untuk mengadakan rundingan dengan Duncan Sandys (British Commonwealth and Colonial Secretary) yang ketika itu melakukan lawatannya ke Tanah Melayu. Antara agenda yang dibincangkan termasuklah soal keselamatan Singapura dan

---

<sup>1</sup> Department of Information, Federation of Malaya, Malaysia, No. 2, April 1962, hlm. 6; *The Sunday Times*, 28 Mei 1961, hlm. 1; *North Borneo News and Sabah Times*, 28 Mei 1961, hlm. 1.

<sup>2</sup> Sesungguhnya, cadangan Tunku Abdul Rahman itu dianggap sebagai berita sensasi bagi semua pihak yang terlibat, walaupun ideanya bukanlah sesuatu yang baru. Untuk keterangan lanjut tentang pengakuan Tunku itu sila lihat, Tunku Abdul Rahman, *Looking Back, Monday Musings and Memories*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977, [*Pandang Balik*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1980] hlm. 81-82.

<sup>3</sup> "Speech by the Deputy Prime Minister on the Second Reading of the Malaysia Bill at the Dewan Rakyat on 15<sup>th</sup> August, 1963," dalam *Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, 1963*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri, 1975, hlm. 125. Rata-rata pengkaji juga meletakkan tarikh tersebut sebagai bermulanya secara serius usaha ke arah merealisasikan gagasan Malaysia. Lihat, Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974, hlm. 125; Gordon P. Means, "Malaysian: A New Federation in Southeast Asia", *Pacific Affairs*, Vol. XXXVI, no. 2, 1963, hlm. 138-159; Barbara W. Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London: Macmillan Asian History Series, 1982, hlm 270.

hubungannya dengan Tanah Melayu, serta kedudukan wilayah Borneo dalam percantuman yang lebih besar atau *super-federation*. Duncan Sandys yang enggan memberi jawapan tegas tentang kedudukan wilayah Borneo menyebabkan Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak menolak cadangan Sandys supaya Tanah Melayu menerima Singapura. Sikap kedua-dua pemimpin itu amat mengecewakan pihak British dan Lee Kuan Yew.<sup>4</sup>

Walau bagaimanapun, Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak mula memberi perhatian serius dengan perkembangan Singapura apabila kekalahan PAP dalam pilihan raya kecil Hong Lim pada penghujung bulan April 1961. Tun Razak dan rakan kabinetnya, Tan Siew Sin telah berbincang dengan bekas Setiausaha Pertahanan Tanah Melayu, R.G.K. Thompson untuk meleraikan kemelut politik yang berlaku di Singapura, terutamanya pengaruh Komunis dalam PAP (People's Action Party).<sup>5</sup> Pandangan Tun Razak dan Tan Siew Sin itu telah dirumuskan oleh R.G.K. Thompson sepertimana berikut:

*Both Razak and Tan Siew Sin, who are men around 40, are very alive to the dangers of allowing Singapore to drift on towards a greater stage of independence. They realise that although the British may wish to hang on to their bases in Singapore, they might not eventually be able to do so in the face of a strong campaign for complete independence. The military value of the bases was declining and the pressure of world opinion might well convince H.M.G. that it would be wiser to withdraw from Singapore. If this happened, there was little doubt that Singapore would either fall under Communist control or be absorbed by Indonesia. The problem was, however, on what terms Singapore could be safely accepted as an additional state of the Federation without seriously affecting the Malay/Chinese political balance.<sup>6</sup>*

---

<sup>4</sup> CO 1030/973, Lord Selkirk – CRO, 30 January 1961.

<sup>5</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Duri Dalam Daging: Singapura Dalam Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2001, hlm. 26.

<sup>6</sup> CO 1030/979, Minutes by P.B.C. Moore, 7 April 1961.

Sementara itu, Lee Kuan Yew pernah memaklumkan kepada Tun Razak hasratnya untuk membebaskan tahanan politik yang pro-Komunis seperti Lim Chin Siong dan Fong Swee Suan. Beliau turut memberi jaminan bahawa pembebasan mereka tidak akan menggugat keselamatan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, Tun Razak memaklumkan bahawa kerajaan Tanah Melayu enggan terbabit dalam isu pembebasan tersebut.<sup>7</sup>

Lee Kuan Yew turut dinasihatkan oleh kerajaan British agar berbincang dengan Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak mengenai masalah ancaman Komunis di Singapura. Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura, P.B.C. Moore juga meminta Lee Kuan Yew berusaha untuk meyakinkan kedua-dua pemimpin itu dalam usahanya menghapuskan pengaruh Komunis dalam PAP. Lee Kuan Yew yang sejak dari awal-awal lagi berusaha memperjuangkan percantuman Singapura dengan Persekutuan telah menyambut baik saranan tersebut.<sup>8</sup>

Lee Kuan Yew telah mengadakan rundingan awal dengan Tun Razak dan Tun Dr. Ismail Abdul Rahman. Bagi Tun Razak, satu daripada cara untuk menyelamatkan Singapura adalah dengan mencantumkan pulau itu dengan Persekutuan Tanah Melayu mengikut model *Ulster*.<sup>9</sup> Berdasarkan model ini, kerajaan Persekutuan akan bertanggungjawab dalam hal ehwal pertahanan, keselamatan dan hubungan luar. Sementara kerajaan Singapura pula diberi kuasa autonomi dalam bidang-bidang tertentu, tetapi jumlah perwakilannya akan dihadkan di Parlimen Persekutuan. Kerajaan Singapura

---

<sup>7</sup> Lihat, CO 1030/650, Singapore – British Commonwealth and Colonial Secretary, 1 Jun 1959.

<sup>8</sup> Pada 20 April 1959, PAP telah menerbitkan kertas dasarnya yang bertajuk, “Ke Arah Satu Negara Malaya”. Antara lain PAP menganggap percantuman Singapura dengan Tanah Melayu adalah ‘satu perkara penting dan dianggap sebahagian daripada perjuangan membina sebuah negara Malaya.’ Lihat, *Berita Harian*, 27 April 1959.

<sup>9</sup> CO 1030/978, Proposed State of Greater Malaysia, 59/4/01 Part B, Office of The High Commissioner for the United Kingdom, Kuala Lumpur to Secretary of State for Commonwealth Relations, 1 December 1960.

juga dikehendaki memberikan sumbangan dalam bentuk kewangan kepada kerajaan pusat.

Tun Razak dan Tun Dr. Ismail kemudiannya telah memanjangkan hasil perbincangan mereka kepada Tunku Abdul Rahman. Mereka telah menjelaskan situasi politik di Singapura, serta rancangan Lee Kuan Yew untuk menghalang Singapura daripada menjadi '*an independent Chinese City State*' di bawah pemerintahan parti yang pro-Komunis. Masalah ini perlu diatasi dengan segera bagi mengelakkan situasi bertambah rumit lagi.

Selain model *Ulster*, Tun Razak antara tokoh yang turut mencadangkan agar rancangan *Grand Design* dilaksanakan bagi menyatukan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura dan wilayah Borneo. Idea ini bukanlah sesuatu yang baru daripada Tun Razak. Asalnya idea ini telah dikemukakan oleh Malcom MacDonald pada tahun 1949. Rancangan '*Grand Design*' merupakan cadangan untuk menggabungkan di antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak (Borneo Utara) dan Brunei. Idea ini kemudiannya telah diterima semula apabila terdapat kesepakatan ketiga-tiga wilayah Borneo itu semasa dalam '*Inter-Territorial Conference for the Borneo Territories*' di Kuching pada akhir bulan Oktober 1960.<sup>10</sup> Cadangan rancangan *Grand Design* dianggap sebagai jalan penyelesaian terbaik untuk mengatasi masalah imbalan antara kaum dan ancaman Komunis di Singapura. Tanpa rancangan ini, *Singapore could not be assimilated without the addition also of non-Chinese people from some or all of the*

---

<sup>10</sup> Lihat, CO 1030/978, Proposed State of Greater Malaysia, 59/4/01 Part B, Office of The High Commissioner for the United Kingdom, Kuala Lumpur to Secretary of State for Commonwealth Relations, 1 December 1960.

*Borneo territories*.<sup>11</sup> Tun Razak juga berpendapat bahawa penyatuan hanya dapat dilakukan secara berperingkat-peringkat kerana kerajaan Persekutuan tidak mampu untuk mengasimilasikan semua negeri itu secara serentak.<sup>12</sup>

Segala pandangan Tun Razak itu telah diambil kira dalam rundingan antara Lee Kuan Yew dengan Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur pada 23 April 1961. Tun Razak bersama-sama dengan Tun Dr. Ismail, Menteri Dalam Negeri dan Dr. Goh Keng Swee turut terlibat dalam rundingan ini. Dalam rundingan ini, Tunku meminta Lee Kuan Yew menyiapkan kertas kerja mengenai gagasan tersebut dan cara-cara untuk merealisasikannya. Lee Kuan Yew dengan bantuan P.B.C. Moore dan Lord Selkirk telah menunaikan tanggungjawab tersebut. Antara lain kertas kerja ini menyentuh tentang dua alternatif dalam merealisasikan Gagasan Malaysia. Pertama, setiap wilayah perlu mencapai taraf kemerdekaan secara berasingan, dan selepas itu bercantum dalam Gagasan Malaysia; atau kedua, mencantumkan ketiga-tiga wilayah itu dalam satu gagasan.<sup>13</sup> Cadangan kedua ini telah diterima oleh Tunku Abdul Rahman. Dengan kertas kerja ini, Tunku Abdul Rahman telah menyampaikan hasratnya kepada Pesuruhjaya Tinggi British, Geoffrey Tory untuk membuat kenyataan penting mengenai *Grand Design* itu.<sup>14</sup> Hasrat Tunku itu ditunaikan pada 27 Mei 1961 di Singapura.

---

<sup>11</sup> CO 1030/979, Minutes by P.B.C. Moore, 7 April 1961.

<sup>12</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Duri Dalam Daging*, hlm. 26-27.

<sup>13</sup> Untuk keterangan lanjut sila lihat, CO 1030/979, "Paper on the Future of the Federation of Malaya, Singapore and the Borneo Territories".

<sup>14</sup> CO1030/979, Kuala Lumpur – CRO, 26 Mei 1961.

## Reaksi Tun Razak Terhadap Gagasan Malaysia

Bagi Tun Razak, pengumuman Tunku Abdul Rahman itu telah dijangkakan dan dirancang dengan teliti sama ada pihak British, kerajaan Persekutuan, mahupun pemimpin Singapura.<sup>15</sup> Apapun jelas menunjukkan Tun Razak terlibat sama dalam rancangan tersebut. Malah dalam beberapa hal Tunku mengharapkan Tun Razak membantunya untuk mengkaji dan meneliti terlebih dahulu gagasan ini. Selepas pengumuman itu, tugas dan tanggungjawab Tun Razak bertambah besar untuk berganding bahu dengan Tunku dalam usaha merealisasikan Persekutuan Malaysia.

Sebagaimana Tunku Abdul Rahman, Tun Razak juga melihat bahawa wilayah Borneo, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu perlu digabungkan di bawah Gagasan Malaysia. Beliau senada dengan Tunku dalam melihat keperluan gagasan ini sepertimana dalam ucapannya kepada Majlis Raja-Raja Melayu pada 27 Julai 1961. Antara lainnya sebagaimana berikut:

*...sebahagian besar daripada penduduk-penduduk Persekutuan Tanah Melayu dan negeri-negeri ini mempunyai perhubungan yang rapat dalam segi sejarah dan iktisad. Dan negeri-negeri ini akan mendapat kemajuan yang sebenarnya jika mereka itu disatukan dengan Persekutuan Tanah Melayu.*<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup> Mohamed Noordin Sopiee dan Gordon P. Means melihat peranan Singapura dan Lee Kuan Yew sebagai faktor utama yang mendorong kerajaan British dan Tunku Abdul Rahman untuk menubuhkan Malaysia. Sementara Ramlah Adam pula melihat peranan British untuk menjaga kepentingannya di rantau ini, terutamanya dari segi ekonomi dan keselamatan sebagai faktor utama penubuhan Malaysia. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa faktor-faktor itu saling berkait untuk mempercepatkan lagi proses penubuhan Malaysia. Untuk keterangan lanjut sila lihat, Muhamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation*, hlm. 145; G.P. Means, *Malaysian Politics*, London: Hodder and Stoughton, 1970, hlm. 292-295; Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman*, Kuala Lumpur: DBP, 2004, hlm. 330-337.

<sup>16</sup> "Ucapan Timbalan Perdana Menteri kepada Majlis Raja-Raja di Kuala Lumpur pada 27hb Julai, 1961, dalam *Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, 1961*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri, 1975, hlm. 149.



Di samping itu, Tun Razak menjelaskan betapa perlunya gagasan ini bagi mengukuhkan entiti politik Persekutuan Tanah Melayu dalam menghadapi ancaman Komunis yang semakin memuncak di beberapa buah negara Asia Tenggara. Masalah politik Singapura yang semakin condong kepada Komunis dijangka akan merumitkan lagi kedudukan pertahanan dan keselamatan Persekutuan Tanah Melayu. Sungguhpun demikian, Tun Razak masih tidak dapat menutup kekhawatirannya terhadap Singapura dalam Gagasan Malaysia.

*..., kenalah dipertimbangkan berlainan sedikit kerana Singapore telahpun berkemajuan dan mempunyai kerajaan yang berkuasa penuh dalam hal-hal dalam negeri dan lagi Singapore penduduk-penduduknya sebahagian besar daripadanya belum lagi mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Tanah Melayu.<sup>17</sup>*

Sebenarnya, perkara ini jugalah yang sering dibimbangi oleh Tunku Abdul Rahman sejak sebelum membuat pengumuman rasmi tentang gagasan tersebut. Sebelum pengumuman Gagasan Malaysia, Tunku Abdul Rahman juga sering menafikan setiap kali Lee Kuan Yew menyebut mengenai percantuman sebagai satu kemungkinan ataupun sebagai matlamat perjuangan PAP. Malahan Tunku pernah mengatakan bahawa *'the people of Singapore would never be the friends of Malaya or become true Malaysians in a thousand years.'*<sup>18</sup> Kedua-dua pemimpin ini sedar tentang perbezaan pandangan yang amat ketara antara penduduk Singapura dengan penduduk Tanah Melayu. Penduduk Singapura yang terdiri daripada 70 peratus orang Cina tentu sukar untuk menerima perlembagaan Tanah Melayu seperti Kesultanan Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, Islam sebagai agama rasmi dan Kedudukan Istimewa Orang Melayu.

---

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Lihat, PREM 11/3422, M.J. Moynihan – Setiausaha bagi Tanah Jajahan, 13 Oktober 1961.

Sebagaimana yang dijangkakan, penyertaan Singapura dalam gagasan Malaysia telah menimbulkan perbahasan hangat di Parlimen dalam usaha Tunku Abdul Rahman-Tun Razak mendapatkan kelulusan Rang Undang-Undang berkaitan dengan konsep Gagasan Malaysia pada bulan Oktober 1961.<sup>19</sup> Wakil PAS telah menolak usul itu dengan alasan bahawa ia "...bertentangan dengan kepentingan rakyat Melayu yang menjadi tonggak dalam negeri ini". Kerajaan juga diingatkan agar tidak terperangkap dengan strategi politik Lee Kuan Yew. Malah wakil PAS juga telah memberi amaran bahawa "...ia akan menjadi penyakit *cancer* yang akan menyebabkan seluruh badan Persekutuan Tanah Melayu akan menderita kerana-nya".<sup>20</sup> Pendek kata, PAS menolak Rang Undang-undang tersebut yang dianggap merugikan bangsa Melayu.

Sebaliknya, Tun Razak selaku Timbalan Perdana Menteri yang menyokong kuat usul itu telah menjawab segala bantahan wakil-wakil PAS tersebut. Antara lain beliau berusaha memberi keyakinan sepertimana berikut:

*Dasar kami yang terutama sekali ialah menimbangkan kepentingan negeri ini dan warga negaranya yang taat setia kepada negeri ini.*

*Selagi kami belum puas hati dengan sepenuhnya bahawa warga negara Singapura akan taat setia kepada Malaya dan bekerja untuk kepentingan negeri, maka soal percantuman itu hendaklah dibuat oleh Tunku Abdul Rahman sendiri.<sup>21</sup>*

Sungguhpun tanpa sokongan PAS, Rang Undang-Undang Malaysia tetap mendapat sokongan majoriti ahli-ahli Parlimen untuk membolehkan Tunku Abdul Rahman-Tun Razak meneruskan usaha tersebut.

---

<sup>19</sup> Sila lihat, Ucapan Tunku Abdul Rahman pada 16 Oktober 1961. Persekutuan Tanah Melayu, *Perbahasan Dewan Rakyat*, Jil. III, 1961-1962; *Straits Times*, 29 Oktober 1961.

<sup>20</sup> Persekutuan Tanah Melayu, *Perbahasan Dewan Rakyat*, Jil. III, 1961-1962; Perbahasan Parlimen, Dewan Negara, Parlimen Pertama Penggal Kedua, Jil. II, 1960-1961.

<sup>21</sup> *Berita Harian*, 14 Oktober 1961, hlm. 1

Pada 4 November 1961, Tun Razak menghadiri Perhimpunan Agung Khas UMNO yang diadakan untuk membahaskan usul penubuhan Malaysia. Beliau dan Tunku Abdul Rahman tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan mandat daripada UMNO untuk meluluskan usul tersebut.<sup>22</sup>

Setelah mendapat mandat, Tun Razak mengikuti rombongan Tunku Abdul Rahman ke London pada 16 November 1961. Rombongan ini turut disertai oleh Tan Siew Sen, Ghazali Shafie dan Abdul Kadir Samsuddin. Rundingan telah diadakan dengan pihak British yang diketuai oleh Perdana Menteri, MacMillan, pada 19 hingga 21 November 1961. Agenda yang dibincangkan termasuklah melihat kepentingan penyertaan Singapura dalam gagasan Malaysia. Sementara pangkalan tentera British di Singapura dan Borneo pula, kedua-dua kerajaan bersetuju untuk memeterai suatu perjanjian baru selepas terbentuknya Persekutuan Malaysia. Antara lain perjanjian ini adalah untuk membenarkan kerajaan British mengekalkan pangkalan tenteranya bagi membantu mempertahankan Malaysia dan negara-negara Komanwel, serta keamanan di rantau Asia Tenggara. Selain itu, kedua-dua kerajaan bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Penyiasat bagi meninjau pandangan penduduk Sabah dan Sarawak terhadap gagasan Malaysia. Laporan suruhanjaya ini kelak menjadi asas kepada kedua-dua kerajaan untuk memutuskan skema Persekutuan Malaysia.<sup>23</sup>

---

<sup>22</sup> Persidangan Khas UMNO, 4 November 1961.

<sup>23</sup> CO 1030/996, Extract: GMD (B) (61) First Meeting, 20 November 1961; CAB 129/107, Joint Statement by the Government of the United Kingdom and of the Federation of Malaya, November 1961.

## **Kesimpulan**

Tun Razak adalah antara nama besar dalam usaha merealisasikan gagasan Malaysia. Beliau sebagai salah seorang pemimpin kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah terlibat secara langsung dalam rundingan bersama antara pemimpin politik Singapura, mahupun dengan kerajaan British. Malah dalam beberapa hal Tunku Abdul Rahman mengharapkan Tun Razak dapat membantunya untuk mengkaji dan meneliti terlebih dahulu gagasan tersebut. Tun Razak telah menunaikan tanggungjawabnya yang memungkinkan Tunku Abdul Rahman lebih yakin untuk mengumumkan gagasan Malaysia pada 27 Mei 1961. Begitu juga, Tun Razak terus memberikan reaksi yang tidak berbelah bahagi sehingga mendapat mandat daripada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, mahupun dalam UMNO. Sesungguhnya, mandat ini penting untuk Tun Razak meneruskan usaha merealisasikan gagasan Malaysia yang kemudiannya beliau terlibat secara langsung dalam rundingan Inter-Governmental Committee (IGC), serta perisytiharan penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

## RUJUKAN

### Sumber Awalan

- CO 1030/650, Singapore – British Commonwealth and Colonial Secretary, 1 Jun 1959.
- CO 1030/973, Lord Selkirk – CRO, 30 January 1961.
- CO 1030/978, Proposed State of Greater Malaysia, 59/4/01 Part B, Office of The High Commissioner for the United Kingdom, Kuala Lumpur to Secretary of State for Commonwealth Relations, 1 December 1960.
- CO 1030/979, Minutes by P.B.C. Moore, 7 April 1961.
- CO 1030/979, “Paper on the Future of the Federation of Malaya, Singapore and the Borneo Territories”.
- CO1030/979, Kuala Lumpur – CRO, 26 Mei 1961.
- CO 1030/996, Extract: GMD (B) (61) First Meeting, 20 November 1961; CAB 129/107, Joint Statement by the Government of the United Kingdom and of the Federation of Malaya, November 1961.
- Department of Information, Federation of Malaya, Malaysia, No. 2, April 1962.
- Persekutuan Tanah Melayu, *Perbahasan Dewan Rakyat*, Jil. III, 1961-1962.
- Persekutuan Tanah Melayu, *Perbahasan Parlimen, Dewan Negara, Parlimen Pertama Penggal Kedua*, Jil. II, 1960-1961.
- “Persidangan Khas UMNO”, 4 November 1961.
- PREM 11/3422, M.J. Moynihan – Setiausaha bagi Tanah Jajahan, 13 Oktober 1961.
- “Speech by the Deputy Prime Minister on the Second Reading of the Malaysia Bill at the Dewan Rakyat on 15<sup>th</sup> August, 1963,” dalam *Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, 1963*. 1975. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri.
- “Ucapan Timbalan Perdana Menteri kepada Majlis Raja-Raja di Kuala Lumpur pada 27hb Julai, 1961,” dalam *Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, 1961*. 1975. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri.

### Buku dan Artikel

- Andaya, Barbara Watson and Leonard Y. 1982. *A History of Malaysia*. Macmillan Asian History Series: London.
- Means, Gordon P. 1963. “Malaysian: A New Federation in Southeast Asia”, *Pacific Affairs*, Vol. XXXVI, no. 2.
- Means, Gordon P. 1970. *Malaysian Politics*. London: Hodder and Stoughton.
- Mohamed Noordin Sopiee. 1974. *From Malayan Union to Separation: Political Unification in the Malayan Region 1945-46*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Nik Anuar Nik Mahmud, 2001. *Duri dalam Daging: Singapura dalam Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ramlah Adam, 2004. *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: DBP.
- Tunku Abdul Rahman, 1977. *Looking Back: Monday Musings and Memories*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara (1980. *Pandang Balik*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

### **Akhbar**

- Berita Harian*, 1959-1961.
- North Borneo News and Sabah Times*, 1961.
- Straits Times*, 1961.
- The Sunday Times*, 1961.